



Headline: Suri rumah rugi RM18,750 ditipu sindiket Macau Scam
Language: Malay
Section: Negara
Publication/Portal: Kosmo
Page: 16
Date: 19 October 2018

Suri rumah rugi RM18,750 ditipu sindiket Macau Scam

KUCHING - Seorang suri rumah yang menetap di bandar raya ini kerugian kira-kira RM18,750 selepas terpedaya dengan sindiket Macau Scam.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Sarawak, Superintendan Mustafa Kamal Ghani Abdullah berkata, kejadian tersebut dilaporkan berlaku antara 12 hingga 15 Oktober lalu.

Menurutnya, berdasarkan laporan polis, mangsa yang berusia 29 tahun mendakwa menerima panggilan daripada seorang lelaki yang menyamar sebagai pegawai polis pada 12 Oktober lalu.

"Suspek kemudiannya mendakwa mangsa ada membuat pinjaman peribadi di sebuah bank dan terlibat dalam jenayah penggubahan wang haram. Mangsa juga ditakutkan dan diugut akan ditahan sekiranya tidak memberi kerjasama.

"Mangsa yang terpedaya dengan panggilan itu diminta memasukkan sejumlah wang kononnya untuk membantu menyelesaikan kes berkenaan," katanya ketika dihubungi semalam.

Mustafa memberitahu, wanita terbabit seterusnya bersetuju dan membuat pemindahan wang sebanyak RM18,750 melalui sistem perbankan online ke akuan bank suspek.

Katanya, selepas beberapa hari, mangsa gagal menghubungi suspek sebelum membuat semakan dengan pihak bank yang memaklumkan dia telah diperdaya sindiket penipuan.